

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS SIDANG
KEMUNCAK TAHUN PENGKOMERSIALAN MALAYSIA (MYC
SUMMIT) 2024**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 12/08/2024

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

**MAJLIS SIDANG KEMUNCAK TAHUN PENGKOMERSIALAN
MALAYSIA**

(MCY SUMMIT) 2024

12 OGOS 2024 (ISNIN) | 10.00 PAGI

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTER (KLCC)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusolli Ala Rasoolihil Kareem

YB Tuan Chang Lih Kang,

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;

YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal,

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;

KSU, Pengerusi MRANTI dan keluarga MOSTI seluruhnya;

Tuan-tuan Yang Terutama;

Duta-duta yang turut hadir menyerikan majlis pada pagi ini.

1. Saya memulakan, tentunya mengatur syukur kepada Allah SWT atas kejayaan kita meningkat usaha dalam pelbagai bidang. Dan di antara yang kita utamakan sebagai teras termasuklah soal inovasi dan apa yang diungkapkan hari ini sebagai pengkomersialan. Tetapi saya mahu kita imbau sedikit beberapa keputusan kita dalam soal sains, pendidikan sains dan teknologi, soal penyelidikan dan juga soal tentang inovasi.

2. Kita harus terima bahawa badan-badan seperti MRANTI malah seluruh keluarga MOSTI ini adalah badan yang diasaskan dengan dana awam. Oleh yang demikian, dalam memastikan pelaksanaan program, kita mahu pastikan bahawa jangan ada keterlanjuran dalam memberikan fokus dan jangan jadikan badan-badan ini sebagai badan-badan swasta yang terkadang melihat bukan sahaja dari segi kepentingan business, tetapi kepentingan ahli lembaga dan pengurusan. Jadi sebab itu, Ketua Audit Negara baru-baru ini memberikan gesaan supaya pemantauan itu lebih teliti dan cermat. Ini kita harus jadikan sebagai satu budaya baharu.

3. Bagaimana boleh kita angkat martabat negara dan inovasi? Tentunya yang pertama adalah penekanan kepada asas tatakelola. Yang kedua, adalah pengurusannya, bukan sahaja diminta untuk meneruskan kerja-kerja lama, kerana kita bertentangan dengan semangat inovasi. Inovasi ini ibarat meneroka alam dan bidang serta disiplin dan penemuan baharu. Kalau diistilahkan dalam dunia am disebut “menggapai di langit”. Menggapai apa yang belum tercapai dengan pemikiran penerokaan baharu. Ini yang disebut innovation.

4. Tetapi dalam usaha itu, kita tidak harus terikat dengan prosedur dan kerangka yang tetap. Kita harus bersedia membuka lembaran, menerjah ke alam dan kepakaran yang ada, serta sentiasa menilai. Hebat kita bukan sahaja ketimbang tahun lalu atau 10 tahun lalu. Hebat kita itu ketimbang kemajuan yang dicapai oleh negara-negara lain, sama ada jiran atau negara-negara lain. Kalau kita asyik hanya memperbaiki prestasi yang lalu yang kadang-kadang tahapnya sangat rendah, kita tidak akan mencapai apa-apa yang membanggakan.

5. Yang ketiga, saya ucap terima kasih kepada YB Chang Lih Kang dan kawan-kawan di sini yang menyambut baik gesaan saya supaya pengurus yang mahir, saintis dan kalangan yang telah berjaya dalam innovation ini, turun ke bawah menyampaikan pandangan mereka, memberi galakan kepada anak-anak muda kita supaya lebih tertarik dengan apa yang disebut penemuan-penemuan baharu, sains, teknologi, digital dan AI. Ini adalah sebagaimana yang disebut daya cipta MADANI.

6. Saya diberitahu oleh saudara Chang Lih Kang bahawa memang sudah disediakan kerangka ini dan sudah diperolehi senarai 100 saintis kita yang bersedia sebulan sekali atau 2 bulan sekali, turun ke bawah, ke kawasan miskin bandar, desa, kawasan pedalaman untuk meneruskan usaha kita berkongsi dengan anak bangsa.

7. Saya agak keras dalam pandangan saya berkaitan usaha innovation, pengkomersialan dan dalam soal mengangkat martabat negara dari segi digital atau AI. Jangan kita izinkan berlakunya kesenjangan yang lebih melebar. Sekarang ini sudah kita runsing dengan keadaan yang

beda di antara golongan berada di kalangan elit kota dengan miskin kota dan miskin desa. Saya tidak berharap MRANTI terus terlibat dalam social engineering program. Tetapi munasabah kalau beberapa kepakaran MRANTI itu juga peka dan turun untuk menyampaikan kepada anak-anak terutama di sekolah atau di universiti, kalangan mahasiswa yang baharu, tentang apa yang mereka lakukan dan apa faedah dan penemuan baharu yang menakjubkan dengan cara yang dapat menarik perhatian mereka.

8. Bidang-bidang seperti digitalization dan terutamanya kecerdasan buatan (artificial intelligence) itu memerlukan persiapan awal dari sudut sains dan teknologi (STEM) dan kejuruteraan. Jadi walaupun ini MCY Summit, saya nak tegaskan keputusan-keputusan lama supaya dapat dilaksanakan dengan baik kerana ini akan memberikan suatu kerangka besar tentang apa yang diperlukan dalam negara keseluruhannya.
9. Disebut tadi tentang Global Innovation Index. Memang kedudukan kita tidak terlalu tercorot, namun tempat 36 (tempat ke 36 dari 132 negara) itu tidak membanggakan. Kerana kita punyai asas yang lebih awal, yang lebih bersedia sepatutnya melangkah dengan pantas. Jadi saya harap ada suatu gesaan dan kesungguhan kita untuk berusaha dengan apa jua cara yang munasabah, melonjak ke atas. Ada kenyataan-kenyataan yang saya rasa membolehkan kita terangkat. Umpamanya kita di kalangan 30 ekosistem teratas di dalam kategori ekosistem membangun (emerging ecosystems). Itu melalui laporan Ecosystem Startup Global. Ini bagi saya satu permulaan.

10. Tetapi kalau kita lihat apa yang dilakukan oleh negara lain, inisiatif atau ikhtiar mereka, penumpuan mereka, itu tentunya akan memberi manfaat kepada kita. Jelas menunjukkan bahawa masih terlalu luas ruang untuk kita perbaiki. Jadi tentunya KSU dalam draf dia menyebut tentang hal yang kita capai dan saya tidak bermaksud mengulang kerana kita selalunya tahu apa yang kita capai. Tapi yang bagi saya kalau lihat dalam Pelan Induk KL20 itu ditekankan apa yang belum kita capai. Dalam kerangka Pelan Perindustrian ataupun chips plan kita tentang semiconductor dalam kerangka besar Ekonomi MADANI, itu kita menekankan matlamat kita yang belum kita capai. Peranan saudara-saudara dalam kalangan pemikir, ahli sains, dan penyelidik harus mencari jalan dan menyediakan rangkaian bukan sahaja dalam negara tetapi kalangan negara jiran dan negara-negara lain.

11. Saya telah berikan contoh sebelum ini, bila saya tanya laporan, selalunya disebut kejayaan-kejayaan kita. Termasuk satu contoh yang selalu saya berikan tentang apa yang diungkapkan sebagai “ease of doing business”. Malaysia ini di antara yang baik. Saya tanya, “Siapa yang beritahu? Berbanding 2 tahun lalu ataupun ketimbang 5 tahun yang lalu”. Baik, saya kata, “Boleh tak kita buat kajian berdasarkan laporan-laporan antarabangsa tentang kejayaan-kejayaan kita di negara-negara jiran?”. Di situ nyata dalam beberapa bidang meleset. Sebagai orang yang terlibat dalam Kerajaan dulu tahun 90- an berbanding dengan sekarang, bila kita lihat bidang yang berjaya mencatat kejayaan di Vietnam. Indonesia atau Thailand, ada yang kita atasi. Tetapi ada yang dulunya kita agak jauh cemerlang, namun sekarang kita agak ketinggalan. Ini berbeza dengan laporan yang saya terima sebelum ini.

12. I need to emphasize this point that we mentioned our success story. Yes, we have knowledge that, Alhamdulillah. But always in relation to the past including the example I used to cite, “the ease of doing business”. But when I asked for a report, I gave the staff two weeks to submit the report. What about our performance in relations to the success and achievements of our neighbors; Singapore, Thailand, Vietnam, Indonesia? Now we were quite mazed because clearly relative success in many fields achieved by our neighbors compared to what we have registered. But these are areas that we note we need to give more emphasis and they include issue of innovation or scientific research and commercialization.

13. This is precisely the reason why I suggest that we not only focus on our strategic interest of policies on implement what we have to do now, but also to look at the macro picture, the ecosystem and what relative success our neighbors or the international community have seen. That is of course, quite a major challenge and the this is not to suggest that we have not done anything useful. Yes, we have registered success and we be of course very happy. But our problem would be to talk about continued success will be to be lull in the state of complacency and this culture of contentment. A book brilliantly written by Galbraith many years back is a reminder that whilst we do acknowledge our relative success, we must accept the new challenge. The new challenge is for our researchers, scientist, entrepreneurs, business community and of course bureaucrats and the cabinet to look at the capacity of present as compared to the past and more challenging as compared to the relative success of our neighbors and other countries.

14. Kalau kita lihat begitu dan maka cabarannya itu lebih hebat. Kerana ini saya sebut tentang National Technology & Innovation Sandbox. Ya ada kejayaan, 32 produk penyelesaian dengan penjanaan hasil jualan RM88.4 juta. Adakah ia satu kejayaan? Ya. Membanggakan? Ya, syukur Alhamdulillah. Apakah sebenarnya kapasiti keupayaan Malaysia dengan dana yang begitu dicurahkan dan dengan kepakaran yang ada harus berpuas hati setakat itu? Itu cabarannya.
15. Jadi badan-badan seperti MRANTI, Cradle semua ini harus fikir bahawa dalam penilaian kita untuk tahun-tahun berikutnya, bukan penilaian berdasarkan tahap kejayaan yang lalu dan ini bukan khusus kepada keluarga MOST. Saudara Chang Lih Kang tahu itu gesaan saya bagi semua Kementerian, Menteri-menteri dan Jabatan masing-masing kerana kita telah ketinggalan dalam banyak bidang. Simpang siur politik tak tentu arah, gejala penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang menular, budaya yang sudah begini rapuh dan lemah, dan ini harus menuntut perubahan semua kalangan.
16. Ada peruntukan yang saudara tahu, dalam R&D untuk Rancangan Malaysia ke-12. Itu bukan kecil, RM350 juta, itu dana pemacu di bawah MOSTI. Itu bukan jumlah kecil. Kita perlu juga lihat keperluan negara yang lain contohnya bidang kesihatan dan perubatan, pendidikan, dan prasarana asas. Oleh itu, gunakanlah dengan sebaik mungkin kerana selain daripada berapa 140 projek R&D yang telah diluluskan projeknya berjumlah RM288.3 juta. Saya percaya ia dapat digunakan dengan sebaik mungkin, tetapi fikirkan juga, memberi penekanan tentang langkah-langkah dan ikhtiar baru yang diperlukan.

17. Saya memohon maaf kerana mungkin ada yang menganggap bahawa saya memilih program-program seperti ini untuk memberi gesaan dan teguran. Ini tidak bermakna saya mengeneipkan usaha, pengorbanan, dan ikhtiar rakan-rakan. Tetapi saya hanya bertanggungjawab untuk mengajak kita semua, ubah mindset yang ada. Ambil langkah yang lebih berani. Kalau tidak kita hanya di tahap yang sama. Mungkin lebih baik daripada tahun lalu dan akan lebih baik tahun depan daripada tahun ini, tapi tidak akan cemerlang dan hebat di rantau ini. Cita-cita saya kerana saya punyai keyakinan yang besar kepada anak-anak bangsa, saya yakin kalau semangat ini ada, keupayaan ini ada, ikhtiar baru ada dan kita angkat pengurusan yang terbaik di kalangan kita, dalam agensi-agensi kita. Saya yakin insya-Allah kita akan catat satu kejayaan membanggakan, Malaysia yang hebat di rantau ini insya-Allah.

18. Jadi dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan sukacitanya merasmikan inisiatif MRANTI dan MOSTI, terima kasih, tentang Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2024.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/08/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-sidang-kemuncak-tahun-pengkomersialan-malaysia-myc-summit-2024/>